



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PENGAGIHAN BANTUAN KEPERLUAN MAKANAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawab untuk menguruskan penyediaan bantuan keperluan makanan kepada golongan yang memerlukan, khususnya yang terhenti pendapatan harian dan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan.

Pengurusan pengagihan adalah berdasarkan pelbagai sumber aduan dan rujukan seperti melalui aduan secara langsung individu kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), rujukan pemimpin masyarakat dan aduan kepada Bilik Gerakan Negeri dan JKM serta Talian Kasih 15999.

Setiap permohonan akan disemak dan diperakukan oleh JKM. Proses pengagihan akan dilaksanakan dengan kerjasama RELA, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan pemimpin setempat.

###

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
12 APRIL 2020**